BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN
Sports, Co-curricular and Arts Division
KEMENTERIAN PENDIDIKAN ~~MALAYSIA~~
Ministry of Education ~~Malaysia~~
Aras 1, 2 & 7, Blok E13, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon : +603 8884 1001 / +603 8884 1002
Faks : +603 8884 1034 / +603 8888 6790
Laman Web : www.moe.gov.my

Ruj. Tuan: I-M/KOKU/300-3/KRSM(248/2025)
Ruj. Kami: KPM.600-4/1/1 JLD 50 (97)
Tarikh : 26 November 2025

Pengerusi
Sekretariat Pusat Kadet Remaja Sekolah Musleh
6-1 Jalan Dagang SB 4/1, Taman Sungai Besi Indah
43300 Seri Kembangan
Selangor

Tuan,

PENGIKTIRAFAN MARKAH KOKURIKULUM PENGLIBATAN MURID BAGI *INTERNATIONAL 100K ARROWS* PASUKAN BADAN BERUNIFORM DENGAN JEMPUTAN SEKOLAH RANGKAIAN DAN RAKAN MUSLEH SERTA TERBUKA SEMPENA SAMBUTAN HARI SUKAN NEGARA TAHUN 2025 ANJURAN SEKRETARIAT PUSAT KADET REMAJA SEKOLAH MUSLEH

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk dan perkara ini berkaitan dengan surat daripada pihak tuan bertarikh 14 November 2025 dengan nombor rujukan I-M/KOKU/300-3/KRSM(248/2025).

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan mengucapkan tahniah atas usaha pihak **Sekretariat Pusat Kadet Remaja Sekolah Musleh** kerana telah memberi peluang kepada murid meningkatkan potensi diri serta menaikkan nama sekolah melalui program ***International 100k Arrows* Pasukan Badan Beruniform Dengan Jemputan Sekolah Rangkaian dan Rakan Musleh Serta Terbuka Sempena Sambutan Hari Sukan Negara Tahun 2025** yang telah dilaksanakan pada **4 hingga 18 Oktober 2025** di secara dalam talian.

3. Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian telah menerima dan meneliti laporan penglibatan murid bagi program yang telah dianjurkan. Sehubungan dengan itu, pengiktirafan pemarkahan yang diberikan adalah pada **Penglibatan II Peringkat Antarabangsa** bagi penyertaan murid. Markah ini akan diambil kira dalam Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK). Bagi tujuan pemarkahan, pihak sekolah perlu merujuk jadual penilaian markah PAJSK yang telah ditetapkan seperti dalam lampiran.

...2/-

4. Sehubungan dengan itu, pihak penganjur dimohon untuk memanjangkan salinan surat pengiktirafan program berserta senarai nama murid yang terlibat kepada jabatan pendidikan negeri serta sekolah yang disertai oleh murid dalam program berkenaan.

5. Sekian untuk makluman dan tindakan pihak tuan. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini boleh diajukan kepada **Cik Arifah binti Ahmad** di talian **03-88721619** atau melalui e-mel **arifah.ahmad@moe.gov.my**.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(ITHNIN BIN MAHADI)
Pengarah
Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian
Kementerian Pendidikan

arifah/upbb

LAMPIRAN

PENERANGAN PENYELARASAN PENGIKTIRAFAN PEMARKAHAN PENGLIBATAN KOKURIKULUM MURID DALAM PENILAIAN PENTAKSIRAN AKTIVITI JASMANI, SUKAN DAN KOKURIKULUM (PAJSK)
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

JENIS PENGLIBATAN

JENIS	TAFSIRAN
PENGLIBATAN I	i. Program pertandingan/ kejohanan/ perkhemahan/ kursus secara bersemuka dan mempunyai pemeringkatan. ii. Program pertandingan/ kejohanan/ perkhemahan/ kursus secara dalam talian dan mempunyai pemeringkatan serta interaksi secara langsung.
PENGLIBATAN II	i. Program pertandingan/ kejohanan/ perkhemahan/ kursus/ karnival secara bersemuka atau dalam talian dan tiada pemeringkatan. ii. Jawatankuasa pelaksana, petugas teknikal dan persembahan selingan. iii. Peserta lawatan luar negara.
PENGLIBATAN III	i. Peserta program dalam talian yang bersifat pertandingan atau bukan pertandingan seperti program/ aktiviti yang tiada interaksi peserta secara langsung. ii. Penglibatan murid sebagai penyokong atau penonton.

SKOR PENGLIBATAN

PERINGKAT	SKOR		
	Penglibatan I	**Penglibatan II**	**Penglibatan III**
Antarabangsa	20	15	10
Kebangsaan	17	12	8
Negeri	14	10	6
Bahagian (Sabah/ Sarawak)	12	9	5
Zon/ Daerah	11	8	4

RINGKASAN PENGIKTIRAFAN BAGI PROGRAM SECARA BERSEMUKA DAN DALAM TALIAN

Penyertaan Bersemuka		Penyertaan Secara Dalam Talian	
Peringkat	**Jumlah Penyertaan (sekurang-kurangnya)**	**Peringkat**	**Jumlah Penyertaan (sekurang-kurangnya)**
Antarabangsa	3 Negara	Antarabangsa	5 Negara
Kebangsaan	3 Negeri	Kebangsaan	5 Negeri
Negeri	4 Daerah	Negeri	5 Daerah
Daerah	5 Sekolah	Daerah	6 Sekolah

Perincian ringkasan pengiktirafan boleh dirujuk dalam Garis Panduan Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) (tarikh kemas kini: 3 Jun 2025)